

CNS2834
U GB 16-09 00172 BA160

bah

MASYARAKAT KRISTIAN DI SABAH TIDAK DITINDAS, KATA DR MAHATHIR

Mahathir - Kristian

TAWAU, 16 Sept (Bernama). -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyelar sesetengah pihak di Sabah yang menyebarkan dakyah di luar negara kononnya masyarakat Kristian di negeri itu ditindas.

Perdana Menteri berkata dalam lawatan ke luar negara, beliau terperanjat apabila ditanya kenapa masyarakat Kristian di Sabah ditindas oleh kerajaan.

+Niat orang (yang menyebarkan dakyah) ini adalah semata-mata untuk mendapat simpati dan menutupi keburukan sendiri,+ katanya ketika berucap pada perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) yang dihadiri kira-kira 20,000 orang di padang Perbandaran di sini.

Perhimpunan itu yang dihadiri oleh anggota semua parti komponen BN juga diadakan sempena ulangtahun ke 29 pembentukan Malaysia. Upacara itu disiarkan secara langsung oleh TV Malaysia ke seluruh negara.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak pernah menindas mana-mana pihak seperti yang berlaku di negara-negara lain, sebaliknya ia sentiasa memberi layanan yang adil dan saksama kepada semua kaum dan agama di negara ini. --
Lagi

▼16/09/19-44MST

CNS2841

U GB 16-09 00151 BA161

bah

Mahathir - Kristian 2 Tawau

+Dalam perhimpunan inipun, ada ramai daripada masyarakat Kristian dan mereka bergaul mesra dengan masyarakat daripada agama lain dalam semangat perpaduan sebagai bangsa Malaysia tanpa berasa syak-wasangka,+ katanya.

Malah, kata Perdana Menteri, banyak daripada pemimpin negara asing kagum dengan kejayaan politik Malaysia yang dapat mengekalkan kestabilan sekalipun para penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kebudayaan.

Katanya penduduk Sabah harus menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada bangsa Malaysia yang bersatu dan jangan terpengaruh dengan hasrat golongan tertentu yang mahu mengasingkan negeri ini daripada negeri lain di Malaysia.

Beliau berkata rakyat Sabah hendaklah mengingati 16 Sept sebagai tarikh kemerdekaan dalam Malaysia untuk mencapai kemajuan secara bersama dengan negeri-negeri lain.

+Walaupun golongan berkenaan berkata mereka tidak berniat mengasingkan Sabah dari Malaysia tetapi daripada semangat perjuangan mereka sebenarnya mahu memisahkan Sabah dari negeri-negeri lain,+ katanya. -- Lagi

▼16/09/19-47MST

(Ulangan membetulkan slug)
Mahathir - Kristian 3 Tawau

Dr Mahathir berkata, sejak Sabah menyertai Malaysia 29 tahun lalu, kerajaan pusat tidak pernah sekali-kali berniat buruk terhadap negeri ini malah ia sentiasa membantu dalam pembangunannya.

+Sejak awal lagi kerajaan pusat membelanjakan banyak wang untuk membantu Sabah, terutama ketika Sabah belum mempunyai sumber kekayaan,+ katanya.

Selepas Sabah merdeka, kerajaan pusat membiayai pasukan polis dan tentera untuk mengawal keselamatan di negeri itu agar tidak diancam, dan kemudiannya membantu dalam perkembangan pendidikan agar rakyatnya menikmati kesejahteraan hidup, kata Perdana Menteri.

+Malangnya, golongan tertentu di Sabah kini mengambil langkah ke belakang dengan meniupkan semangat kenegerian dan menguatkuasakan semula penggunaan pasport bagi penduduk negeri lain yang masuk ke Sabah,+ katanya.

Sebaliknya, beliau berkata, tidak ada yang merungut malah menyambut baik kedatangan penduduk Sabah ke negeri-negeri di Semenanjung untuk mencari kesenangan. -- Lagi

Mahathir - Kristian 4 Tawau

+Banyak orang Sabah pergi ke Semenanjung tanpa sekatan. Banyak juga yang telah membeli syarikat-syarikat di sana tetapi tidak ada yang bersungut, malah turut gembira kerana kita semua bangsa Malaysia,+ katanya.

Beliau berkata, agak pelik apabila seorang rakyat Malaysia dari negeri lain datang ke Sabah, pasport mereka akan dicap dengan perkataan +Selamat Datang Ke Malaysia+.

Dr Mahathir berkata, kehadiran BN di Sabah bukan untuk berkuasa tetapi untuk menjelaskan perjuangan menyatukan rakyat berbilang kaum dan agama agar Sabah juga muncul sebagai sebuah negeri maju seperti Sarawak sekarang.

Beliau berkata, pemimpin tertentu di Sabah cuba mengelirukan pemikiran rakyat negeri ini kononnya langkah menguatkuasakan penggunaan pasport itu adalah untuk menjaga keselamatan rakyat negeri ini.

+Golongan itu juga tidak mahu melihat kerjasama parti politik di Sabah dengan kerajaan pusat. Mereka mahu asingkan Sabah dan mereka mencari sokongan rakyat dengan cara membakar perasaan orang Sabah terhadap Semenanjung,+ kata beliau. -- Lagi

▼16/09/20-54MST

CNS2888

U GB 16-09 00127 BA172

bah

Mahathir - Kristian 5 Tawau

Katanya, golongan berkenaan mahu mengasingkan Sabah daripada penyeliaan kerajaan pusat agar mereka bebas berbuat sesuka hati di negeri ini.

+Sebenarnya niat mereka ialah (mendapatkan kekayaan) hutan Sabah untuk orang Sabah tertentu sdahaja. Dia takut orang lain lihat perbuatan mereka,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, Parti Bersatu Sabah (PBS) juga memainkan sentimen perkauman dengan menakut-nakutkan kaum Kadazan, penganut Kristian dan masyarakat Cina di negeri ini.

Mengenai tarikh 16 Sept sebagai sejarah kemasukan Sabah ke dalam Malaysia, Perdana Menteri berkata, ia sepatutnya dirayakan pada 31 Ogos tetapi kerana masalah birokrasi ia jatuh pada 16 Sept.

+Tetapi tarikh itu tidak seharusnya menjadi faktor yang memisahkan kita. Kita tetap rakyat Malaysia,+ katanya. -- Lagi

▼16/09/20-54MST

CNS2889

U GB 16-09 00187 BA173

bah

Mahathir - Kristian 6 (Akhir) Tawau

Beliau berkata, Sarawak juga menyertai Malaysia pada tarikh itu, tetapi katanya, ia sedikitpun tidak merenggangkan perhubungannya dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Katanya, walaupun penjajah dulu tidak yakin terhadap kemampuan Malaysia untuk mewujudkan kerjasama kaum, hakikatnya ialah semua kaum di Malaysia telah dapat membangun secara bersama.

Sebaliknya, negara-negara bekas penjajahlah yang sekarang ini gagal menyatukan kaum-kaum di negara mereka sehingga mencetuskan kekecohan.

Perdana Menteri juga membidas negara-negara maju kerana berlengah-lengah membantu penduduk di Bosnia-Herzegovina walaupun mereka sendiri secara terang-terang ditindas.

Turut hadir pada perhimpunan itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Undang-undang Datuk Syed Hamid Albar dan pemimpin-pemimpin parti kompoen BN.

Tawau merupakan bandar di bahagian Selatan Pantai Timur Sabah yang bersempadan dengan Kalimantan, Indonesia. Bandar ini terkenal sebagai pusat pengeluaran koko dan kelapa sawit di samping sebagai pengeluar kayu balak.

-- Bernama

▼16/09/20-55MST